

Headline	Pusat Bandar Kota Tinggi lumpuh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	12
ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>	Journalist	MASTURAH SURADI
PR Value	RM 43,794		



# Pusat Bandar Kota Tinggi lumpuh

Oleh MASTURAH SURADI

utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA TINGGI:** Pusat Bandar Kota Tinggi semalam lumpuh apabila dinaiki air lebih satu meter berikutan keadaan banjir sejak malam kelmarin.

Keadaan semakin buruk apabila berlaku pertembungan antara banjir dan fenomena air pasang penuh.

Malah, Jalan Semanggar menuju ke kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Tun Habab juga tidak boleh dilalui berikutan air berarus deras yang membanjiri laluan berkenaan.

Jalan Tun Sri Lanang juga ditutup bagi kegunaan semua jenis kenderaan kerana ditengelami air setinggi 0.6 meter dengan jarak sejauh 650 meter.


Tinjauan *Utusan Malaysia* di deretan kedai berhampiran kawasan bandar juga mendapati air naik antara satu hingga 1.5 meter.

Antara laluan yang terjejas ialah Jalan Indah, Jalan Jaafar, Jalan Naga Utama, Jalan Johor dekat Arked Mara, Taman Kota Mas dan Jalan Tambatan.

Malah, Sekolah Agama Bandar dan Sekolah Kebangsaan Bandar turut dinaiki air.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintenden Hussin Zamora berkata, sejak air naik mendadak pada pukul 9 malam hingga 4 pagi semalam, seramai 112 orang awam yang terperangkap berjaya diselamatkan.

“Dalam situasi kita menyelamatkan mangsa semasa banjir yang kita percaya terperangkap di dalam bandar, kita menghadapi kesukaran pada peringkat awal kerana



LALUAN di sekitar bandar Kota Tinggi kini lumpuh kerana dinaiki air dan hanya boleh diakses menggunakan bot.

mangsa ini enggan berpindah.

“Mangsa banjir yang terperangkap berfikir bahawa keadaan situasi yang berlaku itu (banjir) sekejap dan tidak berbahaya, namun usaha dan sikap profesionalisme yang ditunjukkan agensi penyelamat kita, semua 112 mangsa yang terperangkap berjaya dikeluarkan serta ditempatkan di pusat pemindahan yang berhampiran.

“Nasihat saya kepada ma-

syarakat agar patuhi arahan agensi-agensi penyelamat yang hadir dalam melakukan tugas penyelamatan, jika berlaku situasi banjir di lokasi kediaman ataupun kampung mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan memaklumkan bekalan elektrik di 25 kawasan di Kota Tinggi ditutup bagi keselamatan penduduk yang terjejas.